



YBhg. Dato' Amirul Azizan bin
Dato' Sri Abd. Rahim, D.I.M.P.

DATUK BANDAR MBSJ *ke-4*

**TEKAD KEKAL MOMENTUM
KECEMERLANGAN MBSJ**

m/s 4

**MBSJ FRIENDSHIP
CITY HIOKI 2024:**

MEMBANGUN JAMBATAN
ANTARABANGSA,
MEMPERKASA MASA DEPAN

m/s 28



JIWA MERDEKA 2024

GAMAT DENGAN KERETA
KLASIK DAN MOTOSIKAL
BERKUASA TINGGI

m/s 20



SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim,
D.I.M.P.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali,
S.M.S., A.M.N.
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan
Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan
Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Sabrina binti Samsudin
Puan Hasriani binti Saud

PEREKA GRAFIK:

Encik Muhammad Shahrhan Hanief
bin Shahrolzaman
Puan Siti Marlina binti Chek Long
Encik Khairul bin Rosli

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Encik Mohd Fazly bin Naiman

ISI KANDUNGAN

MBSJ DIKTIKRAF RAKAN SINERGI PLATS 2024.....	3
DUA WARGA MBSJ IKON ASPIRASI WANITA PUSPANITA.....	3
YBHG. DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD. RAHIM, D.I.M.P. DATUK BANDAR KE-4 MBSJ TEKAD KEKAL MOMENTUM KECEMERLANGAN MBSJ.....	4
PENAMPILAN SULUNG DATUK BANDAR MBSJ KE-4 DI PERHIMPUNAN BULANAN MBSJ.....	6
MBSJ TERIMA KUNJUNGAN AUDITOR SPB PBT 2024.....	6
SIRI JELAJAH PROMOSI PIALA SULTAN SELANGOR 2024 THE SULTAN OF SELANGOR'S CUP (TSSC) 2024.....	7
SIBS 2024 MENINGKATKAN PELABURAN ANTARABANGSA DI SELANGOR.....	8
YAB DATO' SERI AMIRUDIN SHARI BERKONGSI VISI EKONOMI MADANI SELANGOR.....	8
PASUKAN KAROM MBSJ MUNCUL JUARA.....	9
MBSJ CEMERLANG DALAM ACARA TREASURE HUNT.....	9
KEMENANGAN TIPIS, PASUKAN MB SELANGOR UNGGULI PERLAWANAN SFC 2024.....	10
KONTINJEN SELANGOR BERSEDIA GEMPUR SUKMA KE-21: MBSJ BAPA ANGKAT TIGA PASUKAN UTAMA!.....	10
PELANCARAN HARI INTEGRITI DAN SEMARAK SEMANGAT PATRIOTIK DI PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM.....	11
MBSJ KONGSI PENGALAMAN DI SEMINAR PEMBANGUNAN INTEGRITI BERSAMA KOMUNITI PAHANG.....	11
MBSJ TINGKAT KESEDARAN KITAR SEMULA KEPADA GENERASI MUDA.....	12
DIDIK PELAJAR KURANGKAN PENGELUARAN KARBON.....	13
555 PESERTA KUMPUL 494.96 KG SAMPAH SEMPENA WORLD CLEANUP DAY 2024.....	13
PATUHI PERATURAN ATAU BERDEPAN TINDAKAN TEGAS OLEH MBSJ.....	14
TAKLIMAT INTENSIF: MEMPERKASAKAN WARGA MBSJ UNTUK TINDAKAN TEGAS.....	14
HARGAI DEDIKASI WARGA KERJA MBSJ DENGAN INSENTIF UMRAH.....	15
MBSJ RAIH TEMPAT DI PERINGKAT AKHIR ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR 2024.....	15
LATIHAN EKSTREM TINGKAT KESIAPSIAGAAN PASUKAN PANTAS MBSJ!.....	16
MBSJ LANTIK KONTRAKTOR MELALUI CABUTAN UNDI DEMI KESEJAHTERAAN AWAM.....	16
LAWATAN DYMM SULTAN SELANGOR DAN DYMM TENGGU PERMAISURI JADI TUMPUAN DI MSAM 2024.....	17
MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2024.....	17
KEUNIKAN DAN KEMERIAHAN HARI TANPA KENDERAAN KOMUNITI MBSJ RAIKAN MERDEKA DENGAN SEMANGAT PATRIOTIK!.....	18
JIWA MERDEKA 2024 GAMAT DENGAN KERETA KLASIK DAN MOTOSIKAL BERKUASA TINGGI.....	20
WARNA-WARNI KOMUNITI.....	23
MBSJ KUKUHKAN KERJASAMA DENGAN MPKL MELALUI LAWATAN PENANDAARASAN.....	24
MBSJ BERKONGSI AMALAN TERBAIK DENGAN MBAS.....	24
MBSJ SAMBUT LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING.....	25
MBSJ TERIMA LAWATAN DARI INDIA.....	25
MBSA PELAJARI AMALAN INOVATIF PENGURUSAN SISA KELAPA DI WASTE ECO PARK.....	26
KUNJUNGAN MBSJ KE MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG: MEMPERKUKUH KERJASAMA DAN BERKONGSI PENGETAHUAN.....	26
PIALA SULTAN SELANGOR 2024: KEMERIAHAN YANG MENGAMIT KENANGAN DI STADIUM MERDEKA.....	27
PERSAHABATAN ANTARA SUBANG JAYA DAN HIOKI TERUS MAJU KE ARAH KELESTARIAN GLOBAL.....	28
DATUK BANDAR MBSJ TUNJUKKAN SOKONGAN PADU DI SUKMA SARAWAK 2024.....	29
JEJAK KEMISKINAN DAN PEMERIKSAAN KESIHATAN 2024 MENGUKIR SENYUMAN DI SUBANG JAYA.....	29
KEMERIAHAN DAN PERPADUAN MENYALA DI STADIUM SARAWAK.....	30
MAJLIS PENUTUP SUKMA SARAWAK 2024: PENGHARGAAN DAN HARAPAN BARU SELANGOR TUAN RUMAH SUKMA KE-22.....	30
MPKJ BAWA SEMANGAT MERDEKA KE SUBANG JAYA.....	31
JIWA MERDEKA BERGEMA DI DATARAN KEMERDEKAAN: SELANGOR RAIKAN HARI KEBANGSAAN KE-67.....	31
MBSJ BERSAMA SPRM PERKUKUH USAHA BANTERAS RASUAH.....	32
ANJUR TAKLIMAT TINGKAT PENGETAHUAN JMB/MC.....	32
2,785 GAGAK DITEMBAK, MBSJ BERI GANJARAN LEBIH RM16,000.....	33
PERLAWANAN PERSAHABATAN ERAT HUBUNGAN.....	33
TUTUP DUA PREMIS TAWAR KHIDMAT URUT TANPA LESEN.....	34
PERKONGSIAN BERMANFAAT PERANGI RASUAH.....	34
MESYUARAT 'EXIT CONFERENCE' PENYATA KEWANGAN MBSJ 2023 BERLANGSUNG LANCAR.....	35
MBSJ SEDIA DUA FASILITI SUKAN BARU UNTUK PENDUDUK.....	35
SEMAI SEMANGAT PATRIOTIK MELALUI PUISI.....	36
MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP PELANCONGAN BIL 1/2024 NEGERI SELANGOR.....	36
MBSJ DAN KDBWM KOMITED MENGENAI PENGURUSAN SAMPAH.....	37
GANDING BAHU BERSIHKAN BUMI.....	37
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SELANGOR AVIATION SHOW (SAS) 2024.....	38
KESIHATAN ANDA, KEUTAMAAN KAMI: PROGRAM KESEDARAN MBSJ 2024 TARIK PERHATIAN RAMAI.....	38
MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SELANGOR 146H/2024M.....	39
MBSJ PERKUKUH INTEGRITI KAKITANGAN.....	39



MBSJ Diiktiraf RAKAN SINERGI PLATS 2024



MBSJ sentiasa komited dalam membantu para peniaga dan ianya diiktiraf apabila menerima Anugerah Penghargaan Rakan Sinergi semasa Malam Anugerah Platform Selangor (MAPS) 2024 yang telah berlangsung pada 12 Julai 2024 bertempat di Hotel Sunway Resort, Bandar Sunway, Selangor.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dengan diiringi YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

MBSJ antara 12 Pihak Berkuasa Tempatan yang menerima Penghargaan Rakan Sinergi. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ telah menerima penghargaan tersebut yang telah disampaikan oleh YB. Tuan Mohd Najwan Halimi, Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor.

Malam Anugerah Platform Selangor 2024 diadakan bagi meraikan usahawan PLATS anjuran MBI Selangor. Sehingga bulan Jun lalu, seramai lebih 37,000 peniaga

telah berdaftar dengan PLATS sejak ia diperkenalkan pada 2020.

PLATS ialah platform promosi dan direktori digital yang dibangunkan oleh Kerajaan Selangor untuk

membantu peniaga mikro mendigitalkan perniagaan mereka dan mengatasi cabaran ekonomi disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Dua Warga MBSJ Ikon Aspirasi Wanita PUSPANITA



Majlis Bandaraya Subang Jaya berbangga apabila 2 warga MBSJ telah dinobatkan sebagai IKON ASPIRASI WANITA PUSPANITA Daerah Petaling.

Tahniah diucapkan kepada Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman dan Puan Hajah Noor Afifa binti Hj. Hussin atas penerimaan pengiktirafan sebagai IKON ASPIRASI WANITA PUSPANITA Daerah Petaling semasa Program Sambutan Hari Wanita anjuran PUSPANITA - Iris MBPJ dengan kerjasama PUSPANITA Daerah Petaling yang telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Setia Hajah Padiah

binti Safian, Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor pada 5 Julai 2024 bertempat di Dewan Banquet MBPJ.

Seramai 500 wanita telah diraikan dalam majlis yang bertemakan 'Inspirasi Keterangkuman' selaras dengan sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2024 iaitu 'Wanita Di Julang, Negara Gemilang' yang memberi penekanan pentingnya usaha memartabatkan kaum hawa bagi mewujudkan budaya inklusif dan kesaksamaan gender.

Pelbagai aktiviti dilaksanakan semasa program berlangsung di antaranya seperti program bual bicara bersama



ikon wanita iaitu juruterbang wanita golongan orang kenamaan (VVIP) Mejar Nittakorn Chamrat, penyampaian hadiah kepada pemenang peraduan 'Wanita Inspirasiku', pemberian sijil pengiktirafan dan penghargaan Anugerah Ikon Aspirasi Wanita, Majlis

penghormatan kepada mantan ahli MBPJ, Ermeemarianna Saadon yang meninggal dunia awal Februari lalu serta pameran jualan usahawan wanita dan ceramah kesihatan termasuk senamrobik 'Wanita Aktif Wanita Cergas'.





YBhg. Dato' Amirul Azizan bin
 Dato' Sri Abd. Rahim, D.I.M.P.

Datuk Bandar Ke-4 MBSJ

Tekad Kekal Momentum Kecemerlangan MBSJ



Majlis Bandaraya Subang Jaya berbesar hati menerima kedatangan YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar ke 4 MBSJ pada 22 Julai 2024 yang lalu.

Kehadiran beliau telah disambut oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain Che Ali, Timbalan Datuk Bandar bersama YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ, barisan Ahli Majlis dan ketua jabatan serta warga kerja MBSJ.

YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar telah menerima tabik hormat daripada perbarisan kawalan penguatkuasa MBSJ. Kedatangan beliau juga telah disambut dengan kemeriahan lambaian selamat datang dari warga kerja dan telah 'merakam kehadiran buat kali pertama di MBSJ pada hari ini.

Seterusnya, pada 23 Julai 2024, YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, telah mengangkat sumpah menjadi Datuk Bandar MBSJ dalam Upacara Mengangkat Sumpah

dan Menandatangani Watikah yang telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Kenanga dan disaksikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain Che Ali, Timbalan Datuk Bandar bersama Ahli Majlis dan Ketua Jabatan MBSJ.

Dalam ucapannya, beliau bertekad untuk mengekalkan momentum kecemerlangan MBSJ sekali gus menambah baik perkhidmatan kepada rakyat seiring dengan kenaikan kadar nilai baharu cukai taksiran tahun hadapan. Beliau juga bercadang mahu mewujudkan dan mengumumkan direktori





Whatsapp khas jabatan-jabatan kepada penduduk Subang Jaya untuk membuat sebarang aduan dan pertanyaan terus kepada jabatan berkaitan.

"Kita akan bagi telefon pintar kepada 21 jabatan MBSJ dan akan ada orang bertanggungjawab untuk menjawab segala aduan atau cadangan mahupun maklumat daripada penduduk menerusi WhatsApp.

"Kaedah ini sedikit berbeza dengan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) kerana sistem ini penduduk boleh terus membuat laporan kepada jabatan yang berkaitan dengan aduan mereka. Saya percaya kaedah ini lebih cepat dan mudah," katanya.

Beliau yang merupakan mantan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat turut menzahirkan penghargaan kepada

legasi kepimpinan terdahulu yang berjaya meletakkan MBSJ pada satu tanda aras pengurusan bandar yang tinggi.

"Insyaa-Allah, saya akan memikul tanggungjawab yang diberikan pihak berkuasa negeri dalam memacu MBSJ supaya terus cemerlang, gemilang dan berdaya saing.

"Dengan harapan dan aspirasi baharu, kita akan bersama menggembilng idea dan tenaga untuk mengembalikan keyakinan kepada pemegang taruh dan masyarakat dalam kawasan MBSJ," katanya.





Penampilan Sulung Datuk Bandar MBSJ Ke-4 di Perhimpunan Bulanan MBSJ



Buat julung kalinya, YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ telah menghadiri Perhimpunan Bulanan MBSJ pada 24 Julai 2024 bertempat di Arena MBSJ yang dihoskan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan MBSJ.

Turut serta, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ, Ketua-Ketua Jabatan serta kakitangan MBSJ.

Dalam uaptamanya, Datuk Bandar menekankan mengenai kepentingan



dalam menghayati dan memahami ikrar perkhidmatan awam yang dilafazkan kerana ia merupakan janji dan komitmen penjawat awam bagi menjalankan tugas dengan cemerlang.

Dalam Majlis ini juga, Datuk Bandar telah menyampaikan hadiah kepada pasukan

Ragbi MBSJ Knights atas kemenangan mereka di Kejohanan Ragbi UKM 10's, serta penyampaian penghargaan kepada Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman dan Puan Hajah Noor Afifa binti Haji Hussin atas Pengiktirafan Ikon Aspirasi Wanita Puspanita Daerah Petaling.



MBSJ Terima Kunjungan Auditor SPB PBT 2024



Tujuan penilaian ini adalah untuk mengukur kecekapan dan tahap penyampaian perkhidmatan MBSJ kepada rakyat serta pelanggan melalui satu sistem penilaian yang seragam.

Fokus utama penilaian ini adalah pada empat kriteria utama: pengurusan, perkhidmatan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan, serta penyertaan komuniti dan pandangan penduduk. Setiap aspek dinilai dengan teliti bagi memastikan MBSJ terus cemerlang dalam memenuhi keperluan komuniti setempat.

Majlis Penutupan Penilaian Audit SPB-PBT 2024 telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, dengan kehadiran Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ, serta

barisan pengarah dan pegawai-pegawai MBSJ di Bilik Mesyuarat Kenanga, MBSJ.

Encik Marthandan A/L Yathamaniyam, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Inspektorat, Jabatan Kerajaan Tempatan, selaku ketua panel, kemudian membentangkan ringkasan laporan penilaian. Tahniah kepada semua warga kerja MBSJ yang telah menunjukkan usaha gigih dan dedikasi yang tinggi dalam menjayakan sesi penilaian ini!

MBSJ terus berusaha untuk mencapai tahap perkhidmatan yang lebih baik, memastikan komuniti Subang Jaya menerima manfaat maksimum daripada setiap usaha yang dijalankan.

Terima kasih kepada pasukan panel penilai daripada Bahagian Inspektorat KPKT Malaysia dan PLAN Malaysia yang diketuai oleh Encik Marthandan A/L Yathamaniyam, kerana sudi hadir ke Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) untuk sesi penilaian Audit Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2024 yang berlangsung di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ pada 14 Ogos yang lalu.



Siri Jelajah Promosi Piala Sultan Selangor 2024

The Sultan of Selangor's Cup (TSSC) 2024'



Siri Jelajah Promosi Piala Sultan Selangor 2024 'The Sultan Of Selangor's Cup (TSSC) 2024' menemui kemuncaknya di Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Program siri jelajah promosi yang diketuai oleh YBhg. Tan Sri Abdul Karim Munisar, Pengerusi dan Pengurus Pasukan (TSSC) telah menyerahkan tiket perlawanan dan t-shirt kejohanan kepada YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, di mana ketua Futsal Lelaki MBSJ dan Futsal Wanita MBSJ turut menerima tiket perlawanan dan t-shirt kejohanan.



Turut hadir menyerikan majlis ialah YBhg. Dato' Abd. Hamid bin Hussain, YDP Majlis Perbandaran Sepang, YBhg., Dato' Haji Ramli bin Mohd Tahir, Pengerah Urusan KDEB Waste Management Sdn Bhd

(KDEBWM), YBhg. Dato' Ahmad Kamaruzaman bin Mehat, Timbalan Pengerah, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, YBrs.

Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ, ACP Mohd Iqbal bin Ibrahim, Ketua Polis Daerah Shah Alam dan barisan pemain veteran Selangor serta ketua-ketua jabatan MBSJ.





YAB Dato' Seri Amirudin Shari Berkongsi Visi Ekonomi Madani Selangor



Program INTAN Minister's Conversation telah mencuri tumpuan dengan kehadiran YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, yang berkongsi wawasan beliau mengenai "Ekonomi Madani: Pengalaman Selangor untuk Malaysia." Diadakan sempena Minggu Ekonomi dan Kewangan Awam, sesi ini memberikan ruang kepada peserta untuk memahami lebih mendalam pendekatan Selangor dalam mengukuhkan ekonomi negeri yang inklusif dan progresif.

YAB Dato' Seri Amirudin menjawab pelbagai pertanyaan peserta serta menerangkan bagaimana Selangor telah menerajui pembangunan ekonomi yang mampan dan berpandangan jauh. Beliau menekankan peranan Selangor sebagai

pemacu pertumbuhan yang mengutamakan kesejahteraan rakyat, inovasi, dan pelestarian alam sekitar.

Turut hadir memeriahkan sesi ini adalah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, bersama pegawai-pegawai MBSJ. Kehadiran mereka mencerminkan komitmen MBSJ dalam menyokong agenda ekonomi dan pembangunan Selangor yang lebih inklusif dan mampan.

Program ini bukan sahaja menjadi platform perbincangan bermakna tetapi juga inspirasi untuk seluruh negara dalam menerapkan konsep Ekonomi Madani yang berpaksikan kesejahteraan rakyat dan kelestarian jangka panjang.



SIBS 2024 Meningkatkan Pelaburan Antarabangsa di Selangor



Pada 25 – 27 Julai 2024 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) telah berlangsung Selangor International Business Summit (SIBS) 2024. Program ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha menarik pelaburan dari dalam dan luar negara.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, diiringi oleh Yang Berhormat Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz Menteri Pelaburan, Perdagangan

dan Industri dan YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ turut serta dalam majlis tersebut bersama-sama Ahli Majlis, Ketua Jabatan serta kakitangan Majlis.

MBSJ juga turut menyertai reruai pameran Selangor Investment dan Industrial Park Expo dengan menyediakan maklumat berkenaan pelaburan yang terlibat dalam kawasan pentadbiran MBSJ.





MBSJ Cemerlang Dalam **Acara Treasure Hunt**



Dataran Bandaraya Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) menjadi saksi kepada kecemerlangan Pasukan MBSJ yang berjaya mengharumkan nama dalam acara Pandu Misteri 'Treasure Hunt' sempena Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) 2024 pada 2 Ogos 2024 yang lalu. Pasukan MBSJ telah menonjol dengan pencapaian membanggakan, merangkul tempat ke-4 dan tempat ke-8 daripada 40 pasukan yang mengambil bahagian.

Kejayaan ini juga membuktikan bahawa Pasukan MBSJ tidak hanya cemerlang dalam pentadbiran bandaraya, tetapi juga dalam aktiviti sukan yang memerlukan kecerdasan, daya tahan, dan kerjasama yang tinggi. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada pencapaian yang lebih cemerlang di masa hadapan.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Pasukan MBSJ! Teruslah mengorak langkah dengan semangat juang yang tinggi, membawa nama MBSJ ke persada yang lebih gemilang!

Pasukan Karom MBSJ Muncul Juara



Pasukan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) sekali lagi mengukir nama di persada sukan apabila berjaya merangkul kejuaraan dalam acara Karom pada Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) 2024!

Tahniah kepada Pasukan MBSJ atas pencapaian luar biasa ini! Teruslah kecemerlangan dan semangat juang yang tidak pernah pudar!





Kemenangan Tipis, Pasukan MB Selangor Ungguli Perlawanan SFC 2024



Mekipun kemenangan merupakan kemenangan tipis 5 - 4, namun ianya memberi kegembiraan buat Pasukan Pilihan Dato' Menteri Besar Selangor apabila berjaya menumpaskan Pasukan Pilihan DYT Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah yang telah berlangsung pada 13 Julai 2024 bertempat di Stadium MBPJ semasa majlis SFC PARTNERS PRESENTATION DAY 2024.

YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, turut mewakili pasukan pilihan Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Haji Amirudin Shari dalam perlawanan persahabatan tersebut.

Tahniah dan syabas kepada Selangor FC di atas penganjuran ini. Semoga dengan penganjuran ini dapat merapatkan lagi hubungan ukhwa yang terjalin.



Kontinjen Selangor Bersedia
Gempur SUKMA Ke-21:

**MBSJ Bapa
Angkat Tiga
Pasukan Utama!**



Pada 3 Ogos 2024 telah berlangsung meriah Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Negeri Selangor bagi Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 di Dewan Raja Muda Musa, Shah Alam.

YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, menerima watikah sebagai simbolik sokongan kepada pasukan Selangor daripada YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan YB Tuan Mohd Najwan Halimi, Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan.

MBSJ dengan bangganya berperanan sebagai bapa angkat kepada tiga pasukan Selangor iaitu pasukan Kriket, Ping Pong, dan Bola Jaring. Temasya SUKMA Edisi Ke-21 yang telah berlangsung dari 17 hingga 24 Ogos 2024, telah menyaksikan sebanyak 488 acara sukan dipertandingkan.

Pelancaran Hari Integriti dan Semarak Semangat Patriotik di Perhimpunan Penjawat Awam



Majlis Perhimpunan Penjawat Awam bersama YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah berlangsung dengan penuh kemeriahan pada 5 ogos 2024 bertempat di Auditorium Dewan Jubli Perak Bangunan Sultan Abdul Aziz. Dalam majlis ini, YAB Dato' Menteri Besar Selangor melancarkan Hari Integriti 2024 dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Selangor sebagai simbolik cintakan negara dan komitmen terhadap nilai-nilai integriti.

Majlis ini dimeriahkan dengan kehadiran YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, YBr. Tuan Haji Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk

Bandar, serta barisan kepimpinan MBSJ dan pegawai-pegawai kanan. Kehadiran mereka melambangkan semangat bersatu untuk terus memperkukuh integriti dan mengibarkan Jalur Gemilang dengan bangga.

Dengan tekad yang padu, penjawat awam Selangor berikrar untuk terus berkhidmat dengan semangat cinta negara yang tinggi, mengangkat Selangor ke mercu kecemerlangan, dan memastikan Jalur Gemilang berkibar megah di setiap penjuru negeri!



MBSJ Kongsi Pengalaman di Seminar Pembangunan Integriti Bersama Komuniti Pahang



Pada 6 Ogos 2024 Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menyertai Seminar Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) yang dianjurkan oleh Pejabat Setiausaha Negeri Pahang dan Institut Integriti Malaysia (IIM). Seminar ini dirasmikan oleh YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Arif, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar, dan Teknologi Hijau Negeri Pahang.

Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ, diberi penghormatan sebagai salah seorang panel jemputan. Dalam sesi tersebut, beliau berkongsi pengalaman berharga mengenai

pembangunan integriti bersama komuniti dan bagaimana MBSJ menerapkan mekanisme tadbir urus aduan yang efisien. Penekanan diberikan kepada cara ini memberi impak positif dalam pentadbiran serta meningkatkan hubungan dengan komuniti bandar raya.

Seminar ini merupakan platform yang berharga untuk perkongsian pengetahuan dan pengalaman dalam meningkatkan integriti dan ketelusan dalam urus tadbir Pihak Berkuasa Tempatan. MBSJ berharap inisiatif ini akan menyumbang kepada amalan yang lebih baik dalam sektor awam dan memperkukuh kerjasama antara pihak berkuasa tempatan dan masyarakat.



MBSJ Tingkat Kesedaran Kitar Semula Kepada Generasi Muda



Dalam usaha memupuk kesedaran kepada generasi muda tentang kepentingan kitar semula dan kesannya terhadap alam sekitar, MBSJ telah menganjurkan Program Pendidikan & Kesedaran Alam Sekitar Sekolah bertempat di Galeri Kitar Semula dan Perpustakaan Hipermedia Kompleks 3C, Bandar Sunway, Selangor.

Program ini telah dilaksanakan dengan penglibatan dari para pelajar sekolah.

Semasa program berlangsung, para pelajar telah didedahkan dengan sesi pembelajaran secara interaktif di mana pelbagai aktiviti menarik telah berlangsung seperti taklimat kesedaran dan pendidikan alam sekitar, kuiz interaktif serta lawatan ke Perpustakaan Hipermedia MBSJ.

Para pelajar juga telah diberikan penerangan mengenai proses jualan baja kompos MBSJ.

Semoga perkongsian dan informasi yang diperolehi melalui sesi lawatan ini akan memberi manfaat terutama dalam aspek kepentingan menjaga alam sekitar kepada semua pelajar yang terlibat.

3 JULAI 2024

Sekolah Kebangsaan Puchong Utama



7 OGOS 2024

Sekolah Rendah Islam Pintar Subang



15 OGOS 2024

Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)
Tun Sambanthan





Didik Pelajar Kurangkan Pengeluaran Karbon



Isu pemanasan global bukanlah satu isu yang seharusnya dipandang sebelah mata. Justeru itu, MBSJ telah menganjurkan Program Kesedaran Low Carbon School Generasi Bestari (SmartGen) MBSJ 2024 pada 11 September 2024 bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ USJ 7, Subang Jaya.

Program ini dilaksanakan dalam usaha memberi kesedaran kepada pelajar dan pendidik dalam mengurangkan pengeluaran karbon bermula dari rumah dan di sekolah sekaligus menjadikan bandar raya ini sebagai bandar rendah karbon menjelang 2030.

Program telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ. Turut hadir adalah para pelajar, guru-guru, Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan MBSJ.



lanya turut melibatkan 35 buah sekolah iaitu 15 sekolah rendah dan 20 sekolah menengah dengan penyertaan sebanyak 150 pelajar dan guru.

Selain itu, turut diadakan pameran mengenai bandar rendah karbon bagi mendidik pelajar dan guru yang hadir.



555 Peserta Kumpul 494.96 kg Sampah Sempena World Cleanup Day 2024



MBSJ melaksanakan Program Pembersihan Mega sempena World Cleanup Day 2024, yang berlangsung pada 28 September 2024. Program ini melibatkan 555 peserta yang terdiri daripada warga kerja MBSJ, KDEB Waste Management, serta komuniti setempat.

Program ini dirasmikan oleh Tuan Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, bersama ahli majlis dari Zon 20, 22, 23, dan 24. Aktiviti pembersihan dijalankan serentak di empat lokasi sekitar zon Seri Kembangan, termasuk Taman Tasik Seri Serdang dan Gelanggang Bola Keranjang SK 6/1.

Sebanyak 494.96 kg sampah dan 320.15 kg barangan kitar semula berjaya dikumpul. Selain itu, aktiviti lain seperti "Jom Kitar", kuiz, edaran abate percuma, dan risalah tentang pencegahan denggi turut diadakan. MBSJ mengucapkan tahniah kepada semua peserta atas komitmen mereka dalam menjadikan bandar raya lebih bersih dan sihat. Program ini merupakan langkah penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar.



Patuhi Peraturan atau Berdepan Tindakan Tegas oleh MBSJ



MBSJ melaksanakan tindakan tegas melalui Operasi Tindakan Bersepadu Peruntukan Struktur Binaan Garaj di atas rizab jalan di Jalan BS 8/1, Taman Bukit Serdang, Seri Kembangan pada 8 Ogos 2024 yang lalu. Operasi ini melibatkan Jabatan Bangunan, Kejuruteraan, Pengurusan Alam Sekitar, Penguatkuasaan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).



Tindakan diambil mengikut Seksyen 70(13)(C) Akta Jalan, Parit, dan Bangunan 1974 (Akta 133) untuk memastikan pematuhan undang-undang.

Pemilik premis diingatkan agar mematuhi peraturan yang ditetapkan, atau menghadapi tindakan tegas dari pihak berkuasa MBSJ.

Ambil langkah segera untuk mematuhi peraturan dan elakkan tindakan yang boleh menjejaskan anda!



Taklimat Intensif: Memperkasakan Warga MBSJ Untuk Tindakan Tegas



Seramai 80 warga kerja MBSJ telah menghadiri Sesi Taklimat Penguatkuasaan dan Pendakwaan yang berlangsung di MBSC Convention Centre. Taklimat ini disampaikan oleh Puan Anita Abd. Jalil, Pengarah Undang-Undang, bersama Cik Nur Syakirah Sulaiman, Penolong Pengarah Undang-Undang.

Objektif utama adalah untuk memperkukuhkan pengetahuan



perundangan dan mempertingkatkan pemahaman terhadap prosedur penguatkuasaan serta persediaan pendakwaan kes di mahkamah.



Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan pegawai dan kakitangan dapat menjalankan tugas dengan lebih efisien dan profesional.



Hargai Dedikasi Warga Kerja MBSJ dengan **Insentif Umrah**



YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, telah mengadakan perjumpaan istimewa bersama 25 warga kerja MBSJ pada 9 Ogos 2024 sebelum mereka berangkat menunaikan ibadah umrah pada tahun 1446H. Insentif ini diberikan sebagai penghargaan kepada mereka yang telah berkhidmat lebih daripada 20 tahun di MBSJ.



Program ini mengiktiraf jasa dan dedikasi warga kerja, memberi mereka peluang untuk menjalankan ibadah di tanah suci sebagai tanda terima kasih atas khidmat cemerlang mereka.



MBSJ Raih Tempat di Peringkat Akhir **Anugerah Inovasi Negeri Selangor 2024**



Tahniah kepada semua finalis Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2024! Tiga pasukan dari MBSJ dan empat pasukan dari agensi luar telah berjaya mara ke peringkat akhir yang telah berlangsung pada 7 Ogos 2024 di Bilik Learning Center, Ibu Pejabat MBSJ.

Penilaian akhir dilakukan secara dalam talian oleh tiga panel pakar yang dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK). Kejayaan ini adalah bukti dedikasi dan inovasi yang ditunjukkan oleh semua peserta!

Syabas kepada semua pasukan yang berjaya mara ke peringkat akhir. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi untuk terus menghasilkan inovasi yang lebih cemerlang di masa depan!



Latihan Ekstrem Tingkat Kesiapsiagaan Pasukan Pantas MBSJ!



Latihan Penyelamatan Di Aras Tinggi oleh Pasukan PANTAS MBSJ bersama Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia Selangor telah berjaya dilaksanakan di Balai Bomba & Penyelamat Puchong dan Bukit Wawasan Pusat Bandar Puchong pada 20-21 Ogos 2024, dengan penyertaan 49 pegawai dan anggota yang diketuai oleh Encik Azfarizal bin Abdul Rashid, Timbalan Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ. Latihan ini memberi fokus pada teknik ikatan, penggunaan tali dan pengukuhan keyakinan serta jati diri anggota dalam penyelamatan di aras tinggi.

Hari kedua latihan, bertempat di Bukit Wawasan, menekankan teknik penyelamatan di tebing tinggi dengan sistem menaik



dan menurun (ascending & descending), yang direka untuk menguji kemampuan pasukan dalam keadaan ekstrem.

Kerjasama erat dengan Jabatan Bomba & Penyelamat Selangor dan tunjuk ajar yang diberikan oleh Pegawai & Jurulatih dari Balai Bomba & Penyelamat Puchong telah memperkukuh kemahiran anggota PANTAS MBSJ. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran teknikal dan kesiapsiagaan dalam menghadapi kecemasan dan bencana alam, tetapi juga

menyokong visi MBSJ untuk menjadi Bandar Raya Berdaya Tahan.

Latihan ini membuktikan bahawa persiapan dan peningkatan kompetensi yang berterusan adalah kunci untuk memastikan keselamatan masyarakat dan mengukuhkan respons bencana secara efektif!



MBSJ Lantik Kontraktor Melalui Cabutan Undi Demi Kesejahteraan Awam



Keprihatinan terhadap keperluan masyarakat menjadi fokus utama dalam Majlis Cabutan Undi bagi Kerja-Kerja Kecil MBSJ yang telah diadakan pada 17 September 2024 di Dewan Kenanga, MBSJ.

Majlis ini disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar Subang Jaya MBSJ bersama YB Tuan Abbas Salimi bin Che Adzmi @ Azmi, Ahli Dewan Negeri (ADN) Seri Serdang.

Majlis ini bertujuan melantik kontraktor melalui cabutan undi bagi melaksanakan kerja-kerja kecil termasuk pembinaan hentian bas berbumbung serta satu projek naik taraf tandas awam di Pasar Basah Bazar Seri Kembangan 6/1. Sesi cabutan undi ini disaksikan oleh 3 panel pemerhati iaitu Puan Haslinda binti Md Hashim, Pengarah Cawangan Negeri (Selangor), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Tuan Hj. Latif bin Wahiman, Yang Dipertua, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Negeri



Selangor (PKKM) dan Tuan Lt Kol (B) Azwan bin Maat, Naib Yang Dipertua, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Negeri Selangor (PKKM).

Majlis ini bukan sahaja menandakan langkah positif ke arah pembangunan

infrastruktur, tetapi juga menggambarkan komitmen MBSJ dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Dengan kerjasama semua pihak, kita yakin projek-projek ini akan menjadi pemangkin kepada perubahan yang lebih baik.

Lawatan DYMM Sultan Selangor dan DYMM Tengku Permaisuri Jadi Tumpuan di MSAM 2024



Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2024 yang berlangsung di Setia City Convention Centre, Setia Alam, Shah Alam, berjaya menarik penyertaan ramai tokoh penting dan mencipta suasana yang meriah dengan pelbagai aktiviti menarik.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, bersama YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor. Turut hadir adalah YBhg. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ, serta pengarah dan pegawai dari MBSJ.

Program yang berlangsung dari 22 hingga 25 Ogos 2024 ini menawarkan pelbagai aktiviti dan pameran yang menarik minat masyarakat, serta memberi peluang kepada pengunjung untuk lebih memahami kepentingan pelaburan saham amanah di Malaysia. Program ini bukan sahaja mempromosikan kesedaran tentang pelaburan tetapi juga menyediakan platform untuk berinteraksi dan mendapatkan maklumat berharga.



DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajjah Norashikin berkenan melawat pameran-pameran di MSAM 2024, disertai oleh YBrs. Tuan Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, serta pengarah dan pegawai MBSJ.

Majlis Penutup MSAM 2024 disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor. Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, serta para pegawai dan warga kerja MBSJ.

Kehadiran mereka menzahirkan komitmen dan semangat untuk memajukan sektor pelaburan di negeri Selangor.

MSAM 2024 bukan sahaja meraikan pencapaian sektor pelaburan di Malaysia, tetapi juga memperkukuhkan perpaduan komuniti dan memberi inspirasi kepada rakyat untuk terus melabur dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Terima kasih kepada semua yang telah hadir dan menayakan program ini. Bersama-sama, kita bergerak ke arah masa depan yang lebih cerah dan gemilang.



Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024



Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 telah diadakan pada 21 Julai 2024 bertempat di Cyber Event Hall, Cyberjaya, Selangor.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan diadakan bertujuan untuk menyuburkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan rakyat Malaysia menuju sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024.

Turut hadir adalah YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ, ketua-ketua jabatan, Ahli Majlis serta para pegawai MBSJ bersama memeriahkan majlis pada hari ini.





Keunikan dan Kemeriahan Hari Tanpa Komuniti MBSJ Raihan M dengan Semangat Pat



Program Hari Tanpa Kenderaan (HTK) Subang Jaya yang berlangsung pada 11 Ogos 2024 baru-baru ini telah dimeriahkan dengan kehadiran ramai komuniti MBSJ, yang bersemangat menyokong gaya hidup sihat disamping menyemarakkan semangat kemerdekaan! Program dimulakan seawal pagi dengan aktiviti Jom Subuh Macam Jumaat di Masjid Darul Ehsan, diikuti aktiviti-aktiviti menarik seperti Senamrobik bersama Fufoo Zumba, Larian Santai Jiwa Merdeka 4.5KM, dan Wheels Of Wellness: Mental Health Fun Ride 35KM.

Acara HTK ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan, Datuk Bandar MBSJ, bersama-sama dengan YB Tuan Preakas A/L Sampunathan, ADN Kota Kemuning, serta tetamu kehormat lain. Pengunjung turut menikmati Fiesta Sarapan Pagi di 'Food Kulture', persembahan buskers dari kombo MBSJ, dan cabutan hadiah istimewa yang menjadikan acara lebih meriah.

Selain aktiviti riadah, pelbagai kaunter pemeriksaan kesihatan seperti pemeriksaan serviks, payudara, mata, tekanan darah, BMI, jantung, serta kencing manis turut disediakan. Pameran-pameran informatif mengenai denggi, kesihatan mental, nutrisi makanan kanak-kanak, alam sekitar, dan pencegahan jenayah oleh PDRM turut dijalankan, di samping Program Derma Darah,

CHUPP (Catch Up Immunisation), Explorace Kenali & Musnah Aedes, dan banyak lagi.

Untuk kanak-kanak, 'Children Merdeka Carnival' dianjurkan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti pertandingan mewarna, talent show, Master Chef Junior, dan penggunaan alat bantu mengajar dengan bahan kitar semula.

www.mbsj.gov.my

a Kenderaan Merdeka Patriotik!



Dalam majlis yang sama turut diadakan majlis penutup Karnival Sihat Selangor Peringkat Majlis Bandaraya Subang Jaya 2024 disempurnakan oleh YB. Puan Jamaliah Bt Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam dan Alam

Sekitar Negeri Selangor, bersama beberapa tetamu kehormat lain, dan diakhiri dengan nyanyian lagu "Jalur Gemilang" untuk menyemarakkan rasa cinta kepada negara.

Program ini berjaya menggalakkan kesedaran tentang kepentingan kesihatan dan kesejahteraan komuniti bandar raya, dengan sambutan meriah dari pelbagai

peringkat usia yang turut serta. Terima kasih kepada semua yang telah memeriahkan program ini!

Jiwa Merdeka 2024

Gamat dengan Kereta Klasik dan Motosikal Berkuasa Tinggi



Subang Jaya membara dengan semangat patriotik semasa Program Konvoi 'Jiwa Merdeka' 2024 yang telah berlangsung di Da Men Mall pada 31 Ogos 2024. Program yang dianjurkan bersama oleh MBSJ, MPP Zon 4 MBSJ, Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB), dan Pusat Membeli Belah Da Men Mall, mengumpulkan komuniti dalam satu majlis yang penuh warna dan keceriaan.

Majlis ini telah disempurnakan dengan gemilang oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, bersama YB Michelle Ng Mei Sze, ADN Subang Jaya. Turut hadir bersama barisan tokoh-tokoh terkemuka seperti YBhg. Datuk Abdul Wahab Khalil, Penasihat Kuala Lumpur Pavilion Sdn. Bhd, Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim, Ahli Majlis Zon 4 MBSJ, YBhg. Dato' Hj Noorul Ariffin bin Abdul Majeed, Pengerusi YAKEB, dan YBhg. Dato' Joyce Yap, Ketua Pengarah Eksekutif (Peruncitan) Kuala Lumpur Pavilion Sdn. Bhd, YDH. ACP Wan Azlan bin Wan Mamat, Ketua Polis Daerah Subang Jaya, dan Tuan Syed Shahril Anuar bin Syed Sulaiman, Ketua Balai Bomba SS17, Subang Jaya.

Perarakan konvoi yang penuh gaya ini mempamerkan kereta klasik dan motosikal kuasa tinggi yang menyemarakkan suasana dari Arena Ibu Pejabat MBSJ ke Da Men Mall. Tambah meriah dengan kehadiran anak-anak dari Perkampungan Orang Asli, Pulau Indah, Klang, yang turut serta dalam konvoi ini, menjadikan setiap detik acara ini penuh warna dan makna.

Majlis ini turut dimeriahkan dengan kehadiran tujuh atlet negara yang berprestij, termasuk Dato' Dollah Salleh, Dato' Zaiton Othman, Datuk Abdul Rashid Haji Mohd Sidek, Dato' Haji Malek Noor, Datuk Foo Kok Keong, Datuk Marina Chin, dan Puan Goh Liu Ying. Kehadiran mereka memberikan aura dan inspirasi tambahan kepada Majlis ini.



Program ini menampilkan pelbagai persembahan dan pertandingan yang memukau, termasuk Persembahan Kombo MBSJ, Gendang 24 Musim, Tarian Tradisional Sumazau, serta Pertandingan Kostum Tradisional dan Nyanyian Lagu Patriotik oleh pelajar sekolah. Setiap persembahan mencerminkan kekayaan budaya Malaysia dan menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan pengunjung program.

Program Konvoi 'Jiwa Merdeka' bukan hanya merayakan kemerdekaan negara tetapi juga memperkukuh perpaduan dan memupuk rasa cinta tanah air dalam suasana yang penuh kegembiraan dan kehangatan.







Warna-

AKTIVITI MPP BULAN



MPP ZON 1

JULAI

13.7.2024 (SABTU)
PROGRAM MEMASAK
BUBUR ASHURA
 SURAU AL-HUDA SS13
 SUBANG JAYA



MPP ZON 2

19.7.2024 (JUMAAT)
SUMBANGAN
MAKANAN
 KOMPLEKS 3C



MPP ZON 5

15 - 18.7.2024
(ISNIN - KHAMIS)
PROGRAM DIDIK
KASIH
 KABIN TAMAN SUBANG
 MAS



MPP ZON 6

4.7.2024 (KHAMIS)
PROGRAM ZIARAH
KASIH
 USJ 23



MPP ZON 7

5.7.2024 (JUMAAT)
PROGRAM KG
TRADISI SIARAN
LAYAR BESAR
 DEWAN MASYARAKAT
 BUKIT LANCHONG



MPP ZON 10

11.8.2024 (AHAD)
MENGHIAS BALAI
SEMPENA HARI
KEMERDEKAAN
 BALAI KOMUNITI



MPP ZON 11

24.8.2024 (SABTU)
SUMBANGAN BERAS
KEPADA B40
 BALAI MASYARAKAT
 BUKIT KUCHAI 19



MPP ZON 14

SEPTEMBER

13.9.2024 (JUMAAT)
CERAMAH MAULIDUR
RASUL
 SURAU AR-RAHMAN



MPP ZON 15

5.9.2024 (KHAMIS)
PROGRAM TAKLIMAT
KESELAMATAN
KANAK-KANAK
KOMUNITI BERSAMA
JKM
 SEKOLAH
 KEBANGSAAN
 PUCHONG UTAMA 1



MPP ZON 18

7.9.2024 (SABTU)
PROGRAM FUN RUN BANDAR
KINRARA 4
 TAMAN PERMAINAN BK 4



MPP ZON 19

6.9.2024 (JUMAAT)
OPERASI TIKUS
 KAWASAN KOMERSIAL
 EQUINE

Warna Komuniti

JULAI • OGOS • SEPTEMBER 2024

MPP ZON 3



6.7.2024 (SABTU)
SARINGAN KESIHATAN & MINI KARNIVAL PANGSAPURI ANGKAT
DEWAN PANGSAPURI SRI TANJUNG

MPP ZON 4



3.7.2024 (SABTU)
DEMO MEMASAK BERSAMA PAWE
PUSAT KOMUNITI MPP ZON 4

MPP ZON 8



17.8.2024 (SABTU)
PENYERAHAN BENDERA
SHELL KG. KENANGAN

MPP ZON 9



8.8.2024 (KHAMIS)
PROGRAM EDARAN JALUR GEMILANG
TAMAN SRI PUCHONG

MPP ZON 12



5, 7, 12 & 14.8.2024
PROGRAM KELAS SMART AL-QURAN
BALAI MASYARAKAT MPP 12 KG SRI AMAN

MPP ZON 12



27.7.2024 (SABTU)
BENGKEL PEMBUATAN SABUN CECAIR
BALAI MASYARAKAT MPP 12 KG SRI AMAN

MPP ZON 13



18.8.2024 (AHAD)
WALKATHON & SENAMROBIK
PONDOK KRT PANGSA PERDANA

MPP ZON 16



8.9.2024 (AHAD)
PROGRAM MENANAM POKOK SK PUSAT BANDAR PUCHONG 2
SK PUSAT BANDAR PUCHONG 2

MPP ZON 17



8.9.2024 (AHAD)
JUALAN EHSAN RAHMAH
PERSIARAN SAUJANA PUCHONG

MPP ZON 20



13.9.2024 (JUMAAT)
PROGRAM PERAYAAN KUIH BULAN MPP 20
JALAN 2/2 SERDANG RAYA

MPP ZON 21



21.9.2024 (SABTU)
PROGRAM BADAN SIHAT BUMI INDAH
GELANGGANG BOLA KERANJANG ZHONG YUAN

MBSJ Kukuhkan Kerjasama

Dengan MPKL Melalui Lawatan Penandaarasan



Pada 15 Ogos 2024 Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL). Delegasi MBSJ yang diketuai oleh Encik Azfarizal bin Abdul Rashid, Timbalan Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik, disambut mesra oleh YBrs. Tuan Zulkefli bin Mohamed Arif, Timbalan Setiausaha MPKL.

Lawatan ini bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua majlis sambil berkongsi maklumat dan pengetahuan dalam pengurusan industri pelancongan di daerah Kuala Langat. Hubungan erat yang terjalin diharap dapat mempertingkatkan lagi kerjasama strategik di masa hadapan.



MBSJ Berkongsi Amalan Terbaik dengan MBAS



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan berbesar hati menerima kunjungan daripada Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS), yang diketuai oleh Puan Noor Shuhada binti Elias, Ketua Bahagian Audit Dalam MBAS. Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari pelaksanaan proses audit dalaman ISO serta berkongsi ilmu mengenai tadbir urus yang diamalkan di MBSJ.

Delegasi MBAS berharap untuk mengambil manfaat daripada pengalaman MBSJ dalam mengendalikan proses audit dalaman dan mengimplimentasikan amalan terbaik yang dipelajari dalam organisasi mereka.

Diharapkan, lawatan ini bukan sahaja memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua pihak tetapi juga meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam pelaksanaan tugas masing-masing.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



MBSJ Sambut Lawatan Penandaarasan Majlis Perbandaran Taiping



MBSJ amat berbesar hati menerima lawatan penandaarasan dari Majlis Perbandaran Taiping, diketuai oleh Tuan Haji Ahmad Shariffuddin bin Kassim, Pengarah Khidmat Pengurusan. Lawatan ini bertujuan mempelajari pelaksanaan Sistem e-Perjawatan MBSJ, yang akan diadaptasi oleh Majlis Perbandaran Taiping.

Kerjasama ini diharapkan dapat memperkukuhkan kecekapan perkhidmatan awam, meningkatkan keberkesanan pengurusan, dan membina



hubungan yang lebih erat antara kedua-dua pihak berkuasa tempatan.

Langkah ini penting untuk meningkatkan mutu perkhidmatan di peringkat bandar raya, selaras dengan keperluan digitalisasi semasa.



MBSJ Terima Lawatan Dari India



Dalam memperkasakan rangkaian kerjasama strategik, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menerima lawatan dari Audacious Dream Foundation, India pada 2 September 2024 bertempat di Kompleks 3C, Bandar Sunway, Selangor.

MBSJ amat berbesar hati menerima lawatan penandaarasan tersebut yang telah diketuai oleh Encik Tharani Priyan, Ketua Fasilitator,

Fakulti Sains Politik, Sri Sri Academy, Kolkata, India.

Delegasi telah dibawa melawat ke beberapa lokasi projek dan fasiliti komuniti di sekitar Kompleks 3C, Bandar Sunway antaranya seperti Pusat Aktiviti Komuniti Berdaya (PAKB), Dapur 3C, Perpustakaan Hypermedia, Generating Opportunities For Learning Disabilities (GOLD), Projek

Re-Kayu, dan Bilik Tetrapark (Projek Kitar Semula).

Adalah diharapkan lawatan ini dapat memberi memberikan pengalaman serta informasi yang berharga kepada semua delegasi yang hadir.



MBSA Pelajari Amalan Inovatif

Pengurusan Sisa Kelapa di Waste Eco Park



Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Waste Eco Park (WEP) MBSJ pada 22 Ogos 2024. Delegasi ini diketuai oleh Ts. Mohd Azmi bin Amer Khan, Pengarah Jabatan Kebersihan Awam dan Kelestarian Sisa MBSA.

Lawatan ini bertujuan untuk melihat amalan terbaik dalam pengurusan sisa kelapa muda, termasuk demonstrasi penguraian sisa kelapa dan penggunaan produk cocopeat serta cocofibre untuk tanaman.

Dengan perkongsian ilmu mengenai kaedah pemprosesan sisa kelapa yang dikutip daripada penaja berpermit, lawatan ini memberi peluang kepada MBSA untuk mempelajari teknik



pengurusan sisa yang lebih efektif. Diharapkan, pengetahuan ini dapat diaplikasikan dalam pengurusan sisa di MBSA, membantu mereka dalam usaha membangun bandar



raya yang lebih hijau dan mampan.

Lawatan ini bukan sahaja memperkuat kerjasama antara kedua-dua pihak berkuasa tempatan,

tetapi juga mempercepatkan inisiatif kelestarian alam sekitar melalui pengurusan sisa yang lebih inovatif dan berkesan!

Kunjungan MBSJ ke
 Majlis Bandaraya Pulau Pinang:

Memperkukuh Kerjasama dan Berkongsi Pengetahuan



Terima kasih kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) atas sambutan hangat terhadap delegasi MBSJ dalam sesi Lawatan kerja pada 21 Ogos 2024. Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari amalan terbaik dalam pelaksanaan sistem U-Lesen dan Program Caj Beg Plastik serta berkongsi pengalaman mengenai penguatkuasaan yang dilaksanakan di MBPP. Diharapkan kunjungan ini akan memperkukuhkan hubungan kerjasama antara kedua-dua agensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Dalam masa yang sama, Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan MBSJ Bil. 8/2024 juga telah diadakan yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, bersama YBrs. Tuan Hj. Mohd Zulkarnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, Ahli-Ahli Majlis, serta Pegawai MBSJ. Perbincangan dalam mesyuarat ini memberi tumpuan kepada strategi dan langkah-langkah untuk memajukan kawalan perniagaan di kawasan MBSJ.





Piala Sultan Selangor 2024: Kemeriahan Yang Menggamit Kenangan di Stadium Merdeka



Pada 17 Ogos 2024, Stadium Merdeka menjadi pentas utama bagi kejohanan Piala Sultan Selangor 2024 ('The Sultan Of Selangor's Cup (TSSC) 2024'). Perlawanan yang penuh warna ini menyaksikan perlawanan antara pasukan Selangor dan Singapura. DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Sultan Selangor, bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajjah Norashikin, serta DYTMM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda

Selangor, telah merasmikan acara ini dengan penuh gilang gemilang.

Hadir sama dalam perlawanan ini ialah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, bersama barisan Pegawai-Pegawai Tinggi Kerajaan Negeri Selangor.

Acara ini tidak hanya menampilkan perlawanan utama, tetapi juga pelbagai aktiviti menarik seperti perlawanan antara pasukan Veteran Selangor dan Singapura,



persembahan payung terjun yang dipersembahkan oleh pasukan Gerakan Udara Polis Diraja Malaysia (PDRM), persembahan nyanyian oleh artis terkenal serta cabutan bertuah.

MBSJ turut mengambil bahagian dengan menguruskan kawalan kotak cabutan bertuah di pintu

masuk khas stadium, serta memastikan segala perjalanan acara berjalan lancar.

Kejayaan perlawanan ini bukan sahaja menandakan kemeriahan acara sukan, tetapi juga mempromosikan semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan masyarakat.



Persahabatan Antara

Subang Jaya dan Hioki

Terus Maju ke Arah Kelestarian Global



Program MBSJ Friendship City Hioki 2024 memperkukuh hubungan antara Subang Jaya dan Hioki City, Jepun, dengan membawa pelbagai manfaat kepada kedua-dua bandar. Pada 23 Ogos 2024, delegasi Hioki City yang diketuai oleh Encik Ichikihara Jun, Pegawai Perhubungan Hioki City, tiba di Ibu Pejabat MBSJ. Ketibaan mereka disambut mesra oleh Datuk Bandar MBSJ, YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim bersama barisan pimpinan MBSJ.

Program tahunan ini bukan sekadar pertemuan rasmi; ia adalah usaha besar untuk mengukuhkan hubungan strategik yang terjalin sejak 2012. Dengan fokus menjalin kerjasama dalam pendidikan, pertukaran budaya, kelestarian alam sekitar, dan promosi bandar di peringkat antarabangsa, program ini mencerminkan komitmen bersama untuk masa depan yang lebih mampan dan inklusif.

Antara acara utama ialah 'Program Silang Budaya' bersama pelajar SMK Subang Jaya, yang mengeratkan hubungan pelajar dari kedua-dua negara dan memupuk nilai seagat seperti toleransi dan hormat-menghormati. Selain itu, lawatan ke Waste Eco Park dan Kebun Komuniti USJ14 menonjolkan komitmen Subang Jaya terhadap kelestarian alam sekitar, serta pertukaran idea dalam pengurusan sisa dan penggunaan sumber yang mampan.

Program ini juga memberi peluang untuk mempromosikan Subang Jaya sebagai destinasi antarabangsa yang progresif, menarik pelabur, pelancong, dan rakan kongsi strategik dari luar negara. Melalui pelbagai aktiviti, Subang Jaya mempamerkan identitinya sebuah bandar raya yang dinamik, mesra alam, dan penuh potensi.

Secara keseluruhannya, Program MBSJ Friendship City Hioki 2024 berjaya mengukuhkan

hubungan dua hala, memperkenalkan inisiatif hijau, dan memperkasa komuniti melalui pertukaran budaya. Program ini memperkukuh persahabatan antara Subang Jaya dan Hioki City, membuka peluang kerjasama masa depan yang lebih besar, dan menjadikan Subang Jaya sebagai peneraju dalam membina masa depan yang lebih inklusif, hijau, dan lestari di peringkat global.





Datuk Bandar MBSJ Tunjukkan Sokongan Padu

di SUKMA Sarawak 2024



SUKMA ke-21 telah menyaksikan penyertaan penuh dari pasukan angkat MBSJ. Datuk Bandar MBSJ, YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, hadir memberikan sokongan padu dengan menyaksikan perlawanan Ping Pong Acara Individu Perseorangan Lelaki dan Wanita dari Selangor, serta perlawanan akhir Kriket Wanita Acara T10 antara Selangor dan Perak pada 24 Ogos 2024 yang lalu.

Kehadiran YBhg. Dato' Amirul Azizan mempamerkan komitmen MBSJ dalam memajukan sukan dan memberikan dorongan kepada atlet. Acara ini bukan sahaja menzahirkan bakat sukan yang tinggi tetapi juga semangat kesukanan yang membanggakan.



Jejak Kemiskinan dan Pemeriksaan Kesihatan 2024

Mengukir Senyuman di Subang Jaya



Program Jejak Kemiskinan dan Pemeriksaan Kesihatan 2024 telah berjaya dianjurkan oleh MBSJ, dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS), Persatuan Jururawat Malaysia Cawangan (PPUM), dan MPP Zon 4 pada 24 Ogos 2024 bertempat di Dewan Komuniti Blok U, Subang Perdana Goodyear Court 2, USJ 6, Subang Jaya. Program ini menyaksikan penyertaan seramai 75 individu yang sangat memerlukan.

Dengan semangat 'Subang Jaya Gemilang Bersama', inisiatif ini bukan sahaja menyediakan bantuan praktikal tetapi juga memupuk rasa kebersamaan dan kepedulian dalam kalangan komuniti. Terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang dalam memastikan kejayaan dan kesejahteraan bersama.



Kemeriahan dan Perpaduan Menyala di Stadium Sarawak



Pada 17 Ogos 2024, Stadium Sarawak menjadi saksi utama Majlis Perasmian SUKMA Sarawak 2024 yang dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar. Majlis ini, dengan tema "Matlamat Perpaduan Membara," menyajikan gabungan pancaran laser yang memukau, menambahkan

kehangatan suasana dan memikat ribuan penonton yang hadir.

Acara ini memperlihatkan perarakan lintas hormat dengan penyertaan 15 kontinjen negeri dan lebih 2,000 atlet, menggambarkan semangat perpaduan dan keazaman yang tinggi. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk

Bandar MBSJ, turut memberi sokongan kepada pasukan angkat MBSJ dalam acara Bola Jaring, Kriket, dan Pingpong.

Majlis perasmian ini bukan sahaja menandakan permulaan SUKMA 2024 tetapi juga meraikan semangat sukan dan perpaduan yang menyatukan semua.



Majlis Penutup SUKMA Sarawak 2024:

Penghargaan dan Harapan Baru Selangor Tuan Rumah SUKMA Ke-22



Pada 24 Ogos 2024 telah berlangsung Majlis Penutup SUKMA Sarawak 2024 dengan penuh gemilang yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri. Majlis bersejarah ini turut menyaksikan penyerahan bendera Kejohanan Sukan Malaysia kepada Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor, sebagai tuan rumah SUKMA ke-22.

Hadir sama menyokong Majlis ini adalah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ. Majlis ini menutup tirai dengan penuh semangat dan mempersiapkan pentas untuk SUKMA yang akan datang di Selangor.



MPKj Bawa Semangat Merdeka ke Subang Jaya



MBSJ dengan penuh semangat menerima kunjungan Konvoi Motosikal Kembara Merdeka dari Majlis Perbandaran Kajang pada 29 Ogos 2024 yang lalu. Program ini, bertujuan untuk menyatukan komuniti serta menyemarakkan semangat cintakan tanah air.

Sambutan ini turut diserikan dengan penyerahan Jalur Gemilang, simbol perpaduan dan patriotisme, yang menjadi lambang penting dalam memperkukuhkan ikatan antara rakyat Malaysia. Jalur Gemilang dikibarkan dengan bangga, menzahirkan semangat patriotik yang tinggi di kalangan warga Subang Jaya.

Selamat Hari Kebangsaan ke-67, Malaysia! Merdeka!



Jiwa Merdeka Bergema di Dataran Kemerdekaan: Selangor Raikan Hari Kebangsaan Ke-67



Sambutan Hari Kebangsaan ke-67 Peringkat Negeri Selangor Tahun 2024 bertemakan 'JIWA MERDEKA' berlangsung meriah di Dataran Kemerdekaan Shah Alam pada 30 Ogos 2024. Majlis yang penuh gilang-gemilang ini disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ.

Syabas kepada kontijen MBSJ atas komitmen mereka dalam menyertai perbarisan kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tahun ini. Anggota PANTAS MBSJ turut mengambil bahagian dengan berarak membawa aset penyelamat sebagai sebahagian daripada Skuad Bencana Selangor, memperlihatkan kesediaan mereka dalam menghadapi sebarang bencana.

Kemeriahan majlis disemarakkan lagi dengan persembahan muzik dari 'Kombo Bandar Raya,' gabungan pemuzik berbakat dari MBPJ, MBSA, dan MBSJ, yang memberikan persembahan memukau sekaligus menghiburkan para pengunjung.

'Malaysia MADANI, Jiwa Merdeka' - semangat kemerdekaan yang terus membara di hati setiap rakyat Malaysia!



MBSJ Bersama SPRM Perkukuh Usaha Banteras Rasuah



Usaha memerangi rasuah sentiasa diteruskan bagi meningkatkan integriti penjawat awam. Justeru itu, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menganjurkan Taklimat Integriti bertajuk "Kesalahan Rasuah Di Kalangan Penjawat Awam" pada 17 Julai 2024 yang lalu bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Taklimat kepada warga kerja MBSJ telah disampaikan oleh PPs Mohd Zamir bin Ahmad Zubid, Unit Pendidikan Masyarakat, SPRM Negeri Selangor.

Dalam sesi taklimat tersebut, para peserta telah diberi pendedahan bagi mengenal pasti risiko-risiko rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan dalam penguatkuasaan.



Anjur Taklimat Tingkat Pengetahuan JMB/MC



Dalam usaha meningkatkan pengetahuan serta membantu JMB/MC di pentadbirannya, MBSJ telah menganjurkan Taklimat Dana Bantuan Guaman dan

Pengurusan Tunggakan Caj Penyelenggaraan oleh JMB/MC DUN Subang Jaya pada 14 Julai 2024 bertempat di Pusat Komuniti MPP Zon 1, USJ 1, Subang Jaya.

Sesi taklimat ini telah dimulakan dengan taklimat mengenai pengurusan caj tunggakan dari Puan Siti Zunara binti Dawam, Penolong Akauntan Kanan, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MBSJ diikuti dengan taklimat bantuan guaman dari YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya dan seterusnya taklimat mengenai tindakan perundangan dari Encik Khairul Shahrizan bin Hamizi dari Shahrizan & Co. Advocates & Solicitor.

Adalah diharapkan pendedahan ini dapat meningkatkan kefahaman seterusnya melancarkan lagi pengurusan JMB/MC.





2,785 Gagak Ditembak, MBSJ Beri Ganjaran Lebih RM16,000



Pada 28 September 2024 MBSJ telah melaksanakan Operasi Menembak Gagak MBSJ 2024 yang turut dihadiri oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama Dr. Nurnawwar binti Arpaai, Timbalan Pengarah Kesihatan MBSJ.

Operasi ini dimulakan dengan dan taklimat pihak polis dan pelepasan peserta bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 7.00 petang di Dewan Serbaguna MBSJ SS15, Subang Jaya.

Operasi ini diadakan bertujuan untuk mengawal populasi gagak bagi mengurangkan gangguan kepada orang awam serta

meningkatkan tahap kebersihan bandar raya. Setiap gagak yang berjaya ditembak akan dibayar RM6.00 dan menjadikan jumlah keseluruhan ganjaran sebanyak RM16,710.00.

Majlis penutup turut dihadiri oleh Puan Lee Jen Uyin, Ahli Majlis Zon 16, Encik Thomas Low Yew Sin, Ahli Majlis Zon 9, Dr. Nurnawwar Binti Arpaai, Timbalan Pengarah Kesihatan MBSJ serta wakil dari Ibu Pejabat Daerah (IPD) Subang Jaya.

Terima kasih kepada semua yang telah memberikan kerjasama sepanjang operasi ini berlangsung.



Perlawanan Persahabatan Erat Hubungan



Turut sama beraksi dalam perlawanan persahabatan ini adalah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ yang mewakili pasukan pilihan MB Selangor.

Kedua-dua pasukan mempamerkan aksi agresif untuk mendapatkan gol sebelum Pasukan Pilihan Menteri Besar Kedah berjaya menewaskan pilihan Menteri Besar Selangor, dengan jaringan 8-5 dalam aksi persahabatan pada hari ini.

Perlawanan ini turut diserikan dengan kehadiran DYTMM Raja Muda Selangor yang berkenan mencemar duli menyaksikan perlawanan bola sepak ini.



Pada 3 September 2024 bertempat di Pusat Latihan Selangor FA, Shah Alam, telah berlangsung perlawanan persahabatan antara pasukan pilihan YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan pasukan pilihan Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Seri Haji Muhamad Sanusi bin Md Nor, Menteri Besar Kedah.



Tutup Dua Premis Tawar Khidmat Urut Tanpa Lesen



MBSJ telah mengambil tindakan tegas dengan menutup dua premis yang telah menjalankan aktiviti perniagaan urut tanpa lesen yang sah di USJ 21 dan SS15, Subang Jaya dalam satu operasi yang dijalankan pada 4 September 2024 yang lalu.

Dalam operasi tersebut, pemilik premis telah melakukan kesalahan mengendalikan pusat urut tanpa mempunyai lesen di bawah Undang-undang Kecil (UUK) 3(4) Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan 2013 dan boleh didenda maksimum sehingga RM1,000 jika disabitkan kesalahan.

Kedua-dua premis telah dikenakan tindakan penutupan serta tindakan sitaan barangan berkaitan perniagaan di bawah kesalahan UUK 36(1) UUK 42(1) Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan 2013.

Pemantauan berkala akan diteruskan dari semasa ke semasa dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak atau premis yang melanggar peraturan dan syarat yang ditetapkan.



Perkongsi Bermanfaat

Perangi Rasuah



YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ yang mengetuai delegasi seramai 33 orang pegawai telah mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Putrajaya pada 4 September 2024 yang lalu. Lawatan ini diadakan adalah selaras dengan pelaksanaan Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA).

Dalam lawatan tersebut, pihak SPRM telah berkongsi mengenai peranan, isu, cabaran, inisiatif pendidikan antirasuah dan perkongsian kes sebenar kepada pengurusan tertinggi Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) yang telah disampaikan oleh disampaikan oleh PPj Mohamad Izam bin Abd. Nasir.

Beliau berharap agar lawatan dan pertemuan ini menjadi nilai tambah dan inspirasi kepada delegasi untuk tidak berkompromi dengan rasuah.

Kesemua delegasi telah dibawa ke sekitar fasiliti bangunan Ibu Pejabat SPRM termasuk Sky Bridge Aras 11, Padang Kayangan Aras 7 serta Konti Radio MACC.fm.



Mesyuarat 'Exit Conference' Penyata Kewangan MBSJ 2023 Berlangsung Lancar



Sekitar Mesyuarat 'Exit Conference' Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ serta dihadiri oleh Dr Yati binti Md Lasa, Timbalan Pengarah Audit Negeri Selangor, dan Encik Muhammad Sanusi bin Ismail mewakili rakan kongsi firma yang dilantik.

Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan dan menyelaras isu-isu penemuan audit, yang mana sesi pengauditan telah dijalankan bermula 15 Mei hingga 28 Jun 2024 oleh Firma Audit Swasta Tetuan Bal & Partners mewakili Jabatan Audit Negara, Negeri Selangor.



MBSJ Sedia Dua Fasiliti Sukan Baru Untuk Penduduk



MBSJ komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik buat komuniti di pentadbirannya. Terkini, MBSJ melalui kolaborasi strategik bersama Sime Darby Property telah menyediakan dua fasiliti sukan iaitu Laman Woodball Datuk Bandar Putra Height, Subang Jaya dan juga Gelanggang Pickleball bertempat di Dewan Camelia, Seksyen 10, Putra Heights Subang Jaya.

Majlis perasmian kedua-dua fasiliti ini telah diadakan pada 7 September 2024 yang lalu dan telah disempurnakan oleh YB Tuan Preakas A/L Sampunathan, ADUN Kota Kemuning. Turut serta, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ dan YBhg. Datuk Ir. Mohd Idris Abdullah, Ketua Pegawai Operasi, Sime Darby Property, Ahli-Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan MBSJ.

MBSJ juga turut menganjurkan Kejohanan Woodball Intercity MBSJ 2024 yang telah disertai seramai 110 pemain dari 14 kumpulan yang bertanding dalam 3 kategori iaitu individu, veteran dan juga berkumpulan yang menawarkan hadiah wang tunai kepada para pemenang.



Semai Semangat Patriotik Melalui Puisi



Bagi menyemarakkan lagi semangat patriotik bersempena dengan Sambutan Bulan Kemerdekaan, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjurkan Pertandingan Sayembara Puisi peringkat sekolah menengah sempena Bulan Kemerdekaan 2024.

Pertandingan ini telah berlangsung pada 7 September 2024 bertempat di Kompleks 3C MBSJ dan telah disertai seramai 12 peserta.

Kesemua peserta telah memberikan persembahan yang baik dan pemenang telah membawa pulang wang tunai sebagai hadiah kemenangan. Syabas dan semoga inisiatif ini dapat memupuk semangat cintakan negara dan menghayati semangat kemerdekaan di kalangan pelajar.



Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pelancongan Bil 1/2024 Negeri Selangor



Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pelancongan Bil 1/2024 telah berlangsung pada 9 September 2024 yang telah dipengerusikan oleh YB Dato' Ng Suee Lim, Exco Kerajaan Tempatan & Pelancongan Selangor bertempat di Lagoon Terrace, Sunway Lagoon.

Dalam mesyuarat yang berlangsung pada hari ini, telah dibincangkan pelbagai inisiatif strategik bagi memperkukuhkan sektor pelancongan Negeri Selangor.

Dalam majlis yang sama, Majlis Bandaraya Subang Jaya turut mempamerkan 'showcase pelancongan MBSJ' dengan mempromosikan produk pelancongan Bandar Raya Subang Jaya serta klip video istimewa bertajuk 'Destinasiku' oleh Kumpulan SJ Soul, Kombo MBSJ sebagai usaha bagi memperkenalkan Subang Jaya sebagai destinasi pelancongan menarik.





MBSJ dan KDEBWM Komited Mengenai Pengurusan Sampah



Dalam memastikan pengurusan sampah dilaksanakan dengan sebaiknya, Mesyuarat Status Perkhidmatan KDEB Waste Management (KDEBWM) berkaitan isu dan cadangan oleh KDEBWM telah diadakan pada 10 September 2024 yang telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Ramli bin Mohd Tahir, Pengarah Urusan KDEB Waste Management Sdn. Bhd., Ahli Majlis MBSJ, pegawai KDEBWM dan barisan pegawai MBSJ.

Mesyuarat ini telah membincangkan mengenai isu dan penyelesaian bagi perkhidmatan kutipan dan pembersihan awam di seluruh kawasan pentadbiran MBSJ. MBSJ dan KDEBWM sentiasa komited untuk memberi perkhidmatan yang terbaik bagi memastikan kebersihan kawasan bandar raya sentiasa terjaga.



Ganding Bahu Bersihkan Bumi



Majlis Bandaraya Subang Jaya bersama Sunway Resort Hotel telah melaksanakan aktiviti pembersihan sampah dan pengasingan barangan kitar semula sempena Hari Pembersihan Sedunia atau 'World Cleanup Day 2024'.

Seramai 91 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, MBSJ dan Sunway Resort Hotel telah mengambil bahagian dalam program ini. Jumlah sampah yang berjaya dikutip adalah sebanyak 150.85 kg, manakala barangan kitar semula yang berjaya dikumpulkan adalah sebanyak 239.20 kg. Dalam majlis yang sama turut diadakan taklimat Kempen Kesedaran Alam Sekitar dan Pengasingan Sisa.

Tahniah kepada semua yang telah menyumbang ke arah bandar raya yang lebih bersih, ceria dan indah



Majlis Perasmian Program **Selangor Aviation Show (SAS) 2024**



Sekitar Majlis Perasmian Program Selangor Aviation Show (SAS) 2024 bertempat di Skypark Regional Aviation Centre yang telah disempurnakan oleh Dato' Seri Amirudin Shari. YAB Dato' Menteri Besar Selangor,

Turut berkenan menghadiri majlis ini adalah D.Y.T.M. Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor.

Turut hadir adalah YBrs. Tuan Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama ahli-ahli majlis dan para pegawai MBSJ.



Kesihatan Anda, Keutamaan Kami: **Program Kesedaran MBSJ 2024 Tarik Perhatian Ramai**



Program Kesedaran dan Kesejahteraan Kesihatan MBSJ Tahun 2024, dengan kerjasama Hospital KPMC Puchong, telah diadakan di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ pada 21 Ogos 2024. Program ini menawarkan pelbagai aktiviti kesihatan, termasuk pemeriksaan kesihatan, konsultasi perubatan, pameran kesihatan, dan kempen derma darah.

YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, turut hadir dan meluangkan masa menjalani pemeriksaan kesihatan, menunjukkan sokongan kepada inisiatif ini.

Program ini memberikan manfaat langsung kepada masyarakat dengan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan, pemakanan seimbang, dan pemeriksaan berkala. Dengan penyertaan aktif dari pelbagai lapisan masyarakat, program ini berjaya mengingatkan kita semua

tentang pentingnya kesihatan sebagai kunci kepada kesejahteraan hidup yang lebih baik. Inisiatif ini bukan sahaja memberi peluang kepada warga untuk menjalani pemeriksaan kesihatan percuma tetapi juga mendorong gaya hidup sihat dan proaktif dalam menjaga kesihatan diri!



MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

Peringkat Negeri Selangor 1446H/2024M



Sekitar Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor 1446H/2024M pada 16 September 2024 bertempat di Auditorium Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Keberangkatan tiba, D.Y.T.M. Tengku Amir Shah Ibnu Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor, telah disambut oleh YAB Dato' Seri Haji Amirudin Shari Dato' Menteri Besar Selangor, bersama kepimpinan tertinggi serta pegawai kerajaan negeri dan persekutuan. Turut bersama hadir adalah YBrs. Tuan Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.



MBSJ Perkukuh Integriti Kakitangan



Bagi memperkukuhkan integriti dalam Bwarga MBSJ, Bengkel Pencegahan Jenayah & Antirasuah telah diadakan pada 11 dan 12 September 2024.

Bengkel ini telah berjaya dilaksanakan hasil kolaborasi strategik Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Negeri Melaka dengan berteraskan Modul Pengukuhan Governors, Integriti dan Antirasuah (MPGIA).

Dalam lawatan ini, peserta berpeluang melawat Penjara Dusun Dato' Murad, Melaka dan juga Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah.



KAUNTER PEMBAHARUAN LESEN MBSJ TAHUN 2025

**PASAR PAGI, PASAR MALAM,
PASAR AWAM DAN MEDAN SELERA**

ISNIN-KHAMIS

9.00 PAGI - 12.30 TENGAH HARI (SESI PAGI)
1.00 PETANG - 2.00 PETANG (REHAT)
2.00 PETANG - 4.00 PETANG (SESI PETANG)

JUMAAT

9.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI (SESI PAGI)
12.00 TENGAH HARI - 2.30 PETANG (REHAT)
2.30 PETANG - 4.00 PETANG (SESI PETANG)

**SILA SCAN QR UNTUK
JADUAL PEMBAHARUAN LESEN**

ZON

**SUBANG JAYA, KINRARA,
PUCHONG & PUTRA HEIGHTS**



04 NOV 2024 - 13 NOV 2024

LOKASI :
DEWAN SERBAGUNA MBSJ USJ 7,
SUBANG JAYA

ZON

**SERDANG &
SERI KEMBANGAN**



18 NOV 2024 - 26 NOV 2024

LOKASI :
KOMPLEKS 3K MBSJ
SERDANG RAYA, SERI KEMBANGAN

**Bayaran secara kad debit / kad kredit / ezy MBSJ / e-Wallet*



HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.



Majlis Bandaraya Subang Jaya



sjcitycouncil

www.mbsj.gov.my